

**UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI HAJI NOOR,**  
**KETUA MENTERI SABAH,**  
**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2021,**  
**DI HUTAN SIMPAN KHAZANAH, IBU PEJABAT,**  
**JABATAN PERHUTANAN SABAH, SANDAKAN**  
**8 APRIL,2021**

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada majlis yang sangat bermakna ini. Kita sangat bertuah kerana acara sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2021 Peringkat Negeri Sabah pada hari ini diadakan di Hutan Simpan Khazanah, Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Sabah Kawasan ini dahulunya adalah sebuah kawasan terosot berstatus tanah kerajaan seluas lapan (8) hektar yang telah mengalami proses transformasi yang kini berjaya mewujudkan persekitaran hutan yang semulajadi.

2. Saya difahamkan usaha restorasi dan penghutanan semula (*aforestation*) telah bermula sejak tahun 1997 dan kawasan ini telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Khazanah Sandakan FD (HQ)(Hutan Simpan Ameniti Kelas 4) pada tahun 2010. Syabas kepada Jabatan Perhutanan Sabah kerana berjaya menyemarakkan keindahan dan keunikan hutan bandar seperti yang sama-sama kita lihat pada hari ini. Ini membuktikan usaha restorasi hutan boleh dijayakan untuk mengembalikan semula persekitaran hutan semulajadi yang indah.

3. Acara sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada 21 Mac lalu telah dirasmikan buat julung kalinya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Sambutan itu telah diadakan serentak dengan pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia 2020, satu dasar yang menggariskan hala tuju yang jelas bagi memperkasakan lagi pengurusan dan pembangunan sektor perhutanan di ketiga-tiga wilayah iaitu Sabah, Semenanjung dan Sarawak. Majlis sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Sabah pada hari ini adalah kesinambungan daripada acara sambutan di peringkat kebangsaan dengan objektif merencanakan lagi aktiviti pemuliharaan hutan di Sabah bagi memulihkan ekosistem hutan semulajadi.

4. Tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini ialah "Penanaman Hutan: Landasan ke Arah Pemulihan dan Kesejahteraan" atau "*Forest Restoration: A Path to Recovery and Well Being*". Tema ini dipilih kerana ia selari dengan hala tuju Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah memilih tahun 2021-2030 sebagai dekad pemulihan ekosistem semula jadi dunia. Justeru itu acara sambutan Hari Hutan Antarabangsa di seluruh dunia kini lebih menumpu kepada usaha restorasi hutan dan penanaman pokok, serta mempromosikan mesej melindungi hutan dan ekosistem semulajadi.

5. Hutan Tropika di Malaysia dan Sabah khususnya adalah antara hutan yang memiliki kepelbagaian biologi yang terkaya di dunia. Negara kita secara purata

mempunyai kira-kira 56 peratus atau 18 juta hektar kawasan berhutan di mana Sabah memiliki kawasan berhutan yang tertinggi iaitu 65 peratus, diikuti oleh Sarawak 62 peratus dan Semenanjung Malaysia 44 peratus. Daripada keluasan keseluruhan Negeri Sabah, seluas 52 peratus iaitu lebih kurang 3.8 juta hektar telah diwartakan sebagai kawasan hutan simpan dan taman-taman Sabah serta kawasan perlindungan hidupan liar. Ini adalah bukti sokongan dan keprihatinan kerajaan terhadap pengurusan dan perlindungan hutan di Sabah.

6. Saya difahamkan bahawa **seluas kira-kira 101,038 hektar** kawasan hutan terosot di Sabah telah pun dikenal pasti untuk tujuan restorasi. Seluas lebih kurang **63,000 hektar telah** ditanam semula dengan anggaran kos sebanyak RM316 juta. Kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Sabah akan terus menggiatkan usaha memulihkan kawasan hutan terosot di seluruh negeri pada tahun ini.

7. Agenda Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 juta pokok untuk tempoh 2021-2025 yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membantu meningkatkan lagi liputan kawasan berhutan di Sabah khususnya dan di Malaysia amnya. Negeri Sabah sendiri telah menyasarkan untuk menanam 40 juta pokok di seluruh negeri bagi tempoh lima tahun. Kempen Penanaman 100 juta pokok di Sabah telah dimulakan dengan Penanaman Enam (6) Pokok Merbau di Perkarangan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri (PPNS) yang diharapkan akan menjadi pemangkin kepada kelancaran aktiviti penanaman pokok di negeri ini. Saya dimaklumkan bahawa setakat bulan Mac sahaja, sebanyak **333,903 batang** pokok telah berjaya ditanam di seluruh negeri Sabah. Syabas buat semua yang terlibat.

8. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan di atas keprihatinan dan sokongan terhadap usaha pemuliharaan hutan di Sabah. Tahun ini negeri Sabah telah menerima peruntukan untuk Kempen Penghijauan Malaysia melalui aktiviti Penanaman Pokok, Pembangunan Nurseri dan Kempen Kesedaran Awam berjumlah RM4 juta, peruntukan Penanaman dan Pemuliharaan Semula Hutan Bakau berjumlah RM2.5 juta dan RM6 juta untuk Projek Heart of Borneo.

9. Kerajaan Negeri Sabah juga akan turut menyalurkan peruntukan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 untuk program pengurusan dan pemulihan hutan di beberapa kawasan Hutan Simpan seperti Hutan Simpan Deramakot; Hutan Simpan Tangkulap - Pinangah; Hutan Simpan Ulu Segama; Hutan Simpan Trusmadi; Hutan Simpan Gunung Rara, Kalabakan; Hutan Simpan Timimbang, Botition; dan Sugut di Beluran, dan lain-lain hutan simpan dengan keseluruhan peruntukan berjumlah RM26.6 juta.

10. Baru-baru ini saya telah melancarkan Hala Tutu Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025) di Kota Kinabalu. Antara teras

utama bagi Hala Tuju Sabah Maju Jaya ialah memperkasa “Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau”. Justeru, ingin saya tekankan di sini Kerajaan Negeri akan terus komited dalam melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan ekosistem hutan dan kelestarian alam sekitar terus terjaga.

11. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Hutan Berkekalan dan Pemulihan Ekosistem Hutan Semulajadi di negeri Sabah secara berterusan, sokongan daripada aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan (R&D) di dalam sektor perhutanan adalah sangat diperlukan. Sumber kekayaan baharu daripada hutan perlu diteroka dan dimanfaatkan menerusi aktiviti-aktiviti R&D. Konsep Pengurusan *Forest Beyond Timber* seperti aktiviti pelancongan berasaskan alam semulajadi, mekanisme pembayaran untuk perkhidmatan ekosistem (PES), bakau dan perikanan, urusan karbon, hasil bukan kayu termasuklah industri herba dan farmaseutikal perlu dipergiatkan.

12. Akhir kata, saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan negeri sentiasa menyokong penuh usaha konservasi hutan dan ekosistem alam sekitar, termasuklah pengurusan hutan berkonsepkan *Forest Beyond Timber* yang saya sebutkan tadi. Hutan bukan lagi hanya untuk penghasilan kayu balak semata-mata tetapi lebih daripada itu. Lebih banyak peluang ekonomi berteraskan kelestarian hijau yang boleh dijana dengan melindungi dan memelihara hutan asli kita.

13. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah buat seluruh warga Jabatan Perhutanan Sabah, di bawah kepimpinan Ketua Konservator Hutan, Encik Frederick Kugan, kerana sentiasa bergiat aktif dan cemerlang dalam menguruskan khazanah hutan di negeri ini. Pujian patut diberikan buat jabatan ini yang telah menjaga dan menguruskan hutan dengan keluasan separuh daripada keluasan negeri dengan baik. Tidak dilupakan juga buat Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta yang turut menyumbang dalam aktiviti pengurusan dan konservasi hutan di Sabah ini. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan semua akan sentiasa meneruskan usaha murni ini dengan telus dan penuh dedikasi di masa hadapan.

14. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat Bulan Ramadan Al Mubarak kepada kaum muslimin dan muslimin. Semoga Ramadan ini akan membawa rahmat dan kebaikan kepada kita semua.

Dengan Lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya melancarkan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2021 Peringkat Negeri Sabah dengan rasminya.

Sekian, terima kasih.